

KENYATAAN AKHBAR

BUILD BRIDGADE: CIDB DAN INDUSTRI BAIKI BALAIRAYA

PAHANG, 29 Oktober: Hasil kerjasama selama hampir sebulan bersama penggiat industri akhirnya Kampung Pulau Pasir Mandi, Temerloh dapat menarik nafas lega apabila balai raya yang menjadi tempat mereka menjalankan aktiviti kemasyarakatan telah dibaikpulih.

Hasil gembengan tenaga Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan penggiat industri pembinaan menerusi Build Brigade itu adalah inisiatif Kementerian Kerja Raya (KKR) dan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) untuk bekerjasama dalam program pembaikan kerosakan rumah-rumah mangsa banjir yang terjejas teruk dalam musibah banjir tahun 2014.

Pengarah CIDB Negeri Pahang, Suhaimi Mansor berkata KKLW melalui agensi di bawahnya iaitu Giat Mara telah diarahkan sebagai agensi pelaksana program tersebut manakala KKR melalui CIDB pula ditugaskan dalam membuat penilaian kerosakan bagi kawasan-kawasan tertentu termasuk di kawasan Kampung Pulau Pasir Mandi.

“Proses tinjauan ke tapak bangunan Balai Raya Kampung Pulau Pasir Mandi telah dilaksanakan pada 2 April 2015 oleh pasukan jawatankuasa pasca banjir “*Build Brigade*” yang diketuai oleh Dr. Rosli Nekmat daripada *Association of Construction Project managers Malaysia (ACPM)*.

“Di mana kerja-kerja membaikpulih telah bermula sejak 03 Ogos 2015 dan siap pada 30 Sept 2015. Bagi projek ini, pihak CIDB telah membiayai semua kos pengurusan projek, membaikpulih struktur, pendawaian elektrik dan kerja-kerja am,” katanya.

Beliau berkata demikian, ketika berucap dalam majlis Majlis Penyerahan Balik Balai Raya dan Penghargaan Kepada Penaja Bagi Projek Membaikpulih Balai Raya Kampung Pulau Pasir Mandi Temerloh Pahang.

Hadir sama dalam majlis itu ialah, Ahli Dewan Undangan Negeri Kerdu, Dato' Syed Ibrahim Bin Syed Ahmad; Pegawai Daerah Temerloh, Dato' Mohd Fadli Bin Mohd Kenali, Pengurus Kanan Komunikasi Korporat CIDB, Noryani Ismail; Penghulu Mukim Jenderak 2 Temerloh Pahang, Syaharul Alimi bin Mohamed Yusop dan Tok 4 Kampung Pulau Pasir Mandi Baharin Bin Ismail.

Antara syarikat yang turut menyumbang kepada program kemasyarakatan ini ialah;

1. Kumpulan Syarikat Panasonic Malaysia

Penghawa dinding kipas untuk balai raya dan peti sejuk kepada 37 penduduk Kg Pulau Pasir Mandi dan Kg Batu Sawar Temerloh.

2. Monier Malaysia Sdn Bhd

Sumbangan 'roof tile' balai raya

3. UAC Berhad

Sumbangan siling balai raya

4. Cementaid Sdn Bhd

Sumbangan Sealers untuk baikpulih dinding balai raya yang retak

5. Boustead Sissons Paint Sdn Bhd

Sumbangan cat balai raya

Pelaksanaan projek ini turut disokong oleh Ahli-ahli Jawatankuasa Build Brigade) iaitu Association of Construction Project Managers Malaysia (ACPM), Teraju Precast Services Sdn Bhd, The Institution of Engineering Malaysia (IEM), Malaysia Asset & Project Management Association (Mapma), Building Materials Distributors Association

of Malaysia (BMDAM), Malaysia Steel Structure (MSSA), UAC Berhad dan Cementaid Sdn Bhd.

Build Brigade merupakan program Tanggungjawab Sosial Korporat CIDB dan penggiat industri pembinaan. Sejak program Build Brigade ini dilancarkan pada tahun 2013 oleh Menteri Kerja Raya, Datuk Fadillah bin Haji Yusof, lebih 15 projek telah berjaya dilaksanakan oleh CIDB yang turut mendapat kerjasama semua pihak termasuklah agensi kerajaan dan swasta di negeri-negeri yang terlibat.

Objektif utama program ini adalah untuk memberi khidmat kemasyarakatan bagi kerja-kerja membaik pulih bangunan dan infrastruktur atau kemudahan awam termasuklah menganjurkan program-program berkaitan pembinaan

Antara projek-projek Build Brigade yang telah berjaya dilaksanakan CIDB dan industri pembinaan termasuklah membaikpulih pusat komuniti dan rumah penduduk Long Keluan di Sarawak; membaikpulih pusat komuniti penduduk Orang Asli Sungai Berua, Hulu Terengganu; membaikpulih tabika penduduk Orang Asli Pos Brooke di Gua Musang, Kelantan dan membaikpulih dewan masyarakat penduduk Orang Asli Sungai Minyak, Pahang serta pembinaan semula lanskap dan kemudahan refleksologi Rumah Seri Kenangan Taiping, Perak.

Mengenai CIDB

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) ditubuhkan menerusi Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994 (Akta 520) bagi membina kapasiti dan kapabiliti industri pembinaan melalui peningkatan kualiti dan produktiviti dengan memberi penekanan kepada profesionalisme, inovasi dan pengetahuan ke arah kehidupan yang berkualiti.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Rakis Santa : rakis@cidb.gov.my 03-4047 6272 / 012-6200 360
Noryani Ismail : noryani@cidb.gov.my 03-4047 7027 / 019-285 6867